

**METODOLOGI AL-QUR'AN DALAM MENANGANI
KRISIS MORAL DAN PENYAKIT SOSIAL :
SATU KAJIAN MANHAJ QURANI DALAM
MENGUBATI KRISIS MORAL DAN PENYAKIT
SOSIAL SEMASA**

NASAHIDDIN KAMAL

**JABATAN AL-QUR'AN DAN SUNNAH
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511654043

**METODOLOGI AL-QUR'AN DALAM MENANGANI
KRISIS MORAL DAN PENYAKIT SOSIAL:
SATU KAJIAN MANHAJ QURANI DALAM
MENGUBATI KRISIS MORAL DAN PENYAKIT
SOSIAL SEMASA**

NASAHIIDDIN KAMAL

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**JABATAN AL-QUR'AN DAN SUNNAH
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan metodologi yang digunakan oleh al-Qur'an dalam menangani fenomena krisis moral dan penyakit sosial yang tengah bermaharajela dalam kehidupan masyarakat yang mendakwa diri mereka sebagai masyarakat moden. Kaedah atau metod yang digunakan dalam penulisan kajian ini adalah kajian perpustakaan yang menggabungkan kaedah penafsiran dan analisis untuk menyemak literatur-literatur sama ada kitab-kitab tafsir, hadith dan kitab-kitab turath yang mengungkapkan keistimewaan dan keunggulan al-Qur'an dengan segala metod-metodnya dalam menangani permasalahan krisis moral dan penyakit sosial yang menjadi tumpuan kajian ini. Kajian ini memfokuskan permasalahan kajian kepada fenomena krisis moral dan penyakit sosial yang berlaku dalam kehidupan masyarakat kini, dan kemudiannya menganalisa metod-metod yang digunakan al-Qur'an dalam menanganinya. Kajian ini membuktikan bahawa al-Qur'an merupakan penegah sebelum berlakunya fenomena ini serta merupakan ubat selepas berlakunya. Kajian ini juga menegaskan bahawa apa yang sepatutnya dilakukan oleh umat hari ini adalah kembali kepada al-Qur'an, mempelajarinya dan mengamalkan ajarannya dalam kehidupan sehari-hari, agar tidak sesat dalam kehidupan di dunia dan akhirat.
Wallahu A'lam

ABSTRACT**THE QUR'ANIC METHODOLOGY IN HANDLING MORAL CRISIS
AND SOCIAL DISEASE : A STUDY BASED ON THE QUR'AN IN
TREATING MORAL CRISIS AND CURRENT SOCIAL DISEASE**

This study aims to disclose the methodology applied by the Qur'an in handling moral crisis and social disease which is rampant modern societies. The mode or method that is used in this study is library study which combine interpretation and analysis to revise literatures either Tafsir, Hadits and classical Islamic religious books which analyse the Qur'an speciality and superiority with all its methods in handling moral crisis problems and social disease which is the focus of this study. This study is focusing on the problem of moral crisis phenomena and social disease which happens in the society's life, and later analysing methods which used in the Qur'an in handling them. This study proves that the Qur'an is the prevention before this phenomena happens and is a medicine after it has happened. This study stresses that what needs to be done by humankind is to return to the Qur'an by learning and practicing it in daily life, so that we are not lost in the present and the hereafter.

أبستراك

هدف هذه الدراسة إلى عرض المنهج القرآني في معالجة ظاهرة الأزمة الأخلاقية والأمراض الاجتماعية المنتشرة في حياة المجتمع المعاصر . وفي سبيل تحقيق ذلك فإن هذه الدراسة سارت على المنهج العلمي الذي يجمع بين التأويل والتحليل على المصادر والمراجع العلمية بما فيها كتب التفسير والحديث وغيرها من المؤلفات في تراث هذه الأمة التي تعبّر عن مميزات المناهج القرآنية وتنوّعها على غيرها من المناهج في معالجة قضايا الأزمة الأخلاقية والأمراض الاجتماعية التي هي من صميم هذه الرسالة . وتركز هذه الدراسة على البحث في ظاهرة الأزمة الأخلاقية والأمراض الاجتماعية التي تخيم حياة المجتمع المعاصر ثم تحليلها في ضوء المناهج القرآنية للوصول إلى معالجتها . توصلت هذه الدراسة إلى أن القرآن هو العلاج للأزمة قبل ظهورها ، كما أنه دواء لها بعد حدوثها . وأكّدت الدراسة كذلك أن ما ينبغي عليه الأمة الإسلامية اليوم هو العودة إلى القرآن وتعلمها والعمل به في الحياة اليومية حتى لا تضل في الحياة الدنيوية والأخروية ، والله أعلم .

PENGHARGAAN

Syukur *al-Hamdulillah*, dengan segala *rahmah* dan *inayah* Allah SWT akhirnya penulisan disertasi ini telah berjaya disempurnakan. Saya dengan hati yang tulus ikhlas merasakan bahawa tanpa petunjuk, hidayah dan pertolongan daripada yang Maha Kuasa melalui bantuan pelbagai pihak, usaha ini tidak akan wujud sepertimana yang diharapkan. Oleh yang demikian, saya dengan penuh keikhlasan dan ketulusan hati ingin menyatakan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:

Y.Bhg. Ustazah Seripah Zin Binti Sayed Ali Pensyarah di jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith Bahagian Usuluddin sebagai penyelia saya dalam penulisan disertasi ini. Berkat seliaan, bimbingan dan waktu yang diluangkan menjadikan saya lebih yakin untuk meneruskan penulisan ini dengan penuh ketelitian. Di samping itu, tunjuk ajar beliau menambahkan lagi pengetahuan dan pengalaman saya di bidang tafsir al-Qur'an.

Y.Bhg. Dr.Rushdi bin Ramli ; atas tunjuk ajar yang diberikan dan waktu yang diluangkan bagi penyempurnaan tesis ini, bersama seluruh pensyarah Akademi Pengajian Islam dan juga staff Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Mereka telah banyak membantu dan memberikan ilmu yang bermanfaat kepada saya.

Pegawai perpustakaan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Awam Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Pusat Islam Kuala Lumpur. Mereka semua dengan penuh mesra mengulurkan bantuan mereka bagi memudahkan penulisan ini dijalankan.

Kedua ibubapa saya, yang telah bersusah payah mengasuh, mendidik dan membesarkan saya, dan tiada pernah lelah berdo'a untuk kejayaan dan memberi sokongan untuk keberhasilan saya. Kepada mereka berdua inilah saya persembahkan disertasi ini.

Istri saya, Hjh.Helda Rahmi Sina, segala keikhlasan, pertolongan, kesabaran dan sokongan padu tanpa berbelah bagi menambahkan lagi semangat saya untuk penulisan ini. Putra-putri kami yang tercinta ; Muhammad Faris Syahien dan Alyaa Safira yang dengan keceriaannya selalu menggembirakan saya. Semoga Allah SWT selalu melindunginya dan memudahkan segala urusannya. Dan tak terkecuali semua kawan-kawan seperjuangan, khasnya di Akademi Pengajian Islam UM dan Fakulti Pengajian Islam UKM Bangi yang tak dapat disebut namanya satu persatu. Sokongan dan jasa kalian tak akan dilupakan sepanjang masa.

Akhirul Kalam, kepada Allah SWT jualah kita bermohon semoga semua sokongan dan jasa yang telah diberi menjadi amal ibadah yang diterima di kemudian hari. *Wajazakumullah Khairan Kathiran, Walhamdulillahi Rabbil 'Alamin.*

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ABSTRAK ARAB	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
JADUAL TRANSLITERASI	x
PENDAHULUAN	xiii
BAB I	
Pengertian Dan Konsep al-Qur'an	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pengertian al-Qur'an	1
1.3 Cara Penurunan al-Qur'an	9
1.3.1 Hikmah Diturunkan al-Qur'an Secara Beransur-ansur	10
1.4 Tujuan / Matlamat al-Qur'an	16
1.5 Fungsi al-Qur'an	31
1.6 Petunjuk al-Qur'an Dalam Bidang Akhlak Dan Moral	40
1.7 Kesimpulan	48

BAB II**Fenomena Krisis Moral Dan Penyakit Sosial Masyarakat Di Abad Modern**

2.1	Pengenalan	49
2.2	Keresahan Umat Masa Kini	49
2.3	Pengertian dan Definisi Penyakit Sosial dan Krisis Moral	54
2.4	Jenis-Jenis Krisis Moral dan Penyakit Sosial Abad Ini	56
2.4.1	Gejala Samseng dan Jenayah Remaja	56
2.4.2	Penyelewengan Seksual	67
2.4.2.1	Zina (seks bebas) dan Homoseksual	69
2.4.2.2	Pelacuran	74
2.4.2.3	Sumbang Mahram	77
2.4.2.4	Rogol	79
2.4.3	Arak, Dadah dan Ubat Terlarang	80
2.4.4	Rasuah	91
2.4.5	Hubbul-Jah / Sukakan Kemasyhuran	96
2.4.6	Judi	101
2.4.7	Iri Hati, Hasad dan Dengki	104
2.4.8	Sombong dan Takabbur	111
2.5	Kesimpulan	120

BAB III PUNCA TERJADINYA PENYAKIT SOSIAL DAN KRISIS MORAL**DALAM MASYARAKAT**

3.1 Pengenalan	122
3.2 Berlakunya Krisis Nilai Dalam Masyarakat	122
3.2.1 Krisis Rohaniah (Iman)	123
3.2.2 Krisis Ibadah	127
3.2.3 Krisis Etika	132
3.2.4 Krisis Ukhuwah	134
3.3 Keluarga Yang Tidak Menjalankan Peranannya	135
3.4 Persekutuan Yang Semakin Merbahaya	142
3.5 Penguatan Undang-Undang Yang Lemah	147
3.6 Media Massa Yang Semakin Berani	149
3.7 Kesimpulan	151

BAB IV**AL-QUR'AN DAN METODOLOGINYA DALAM MENANGANI DAN
MENGUBATI PENYAKIT SOSIAL DAN KRISIS MORAL**

4.1 Pengenalan	152
4.2 Al-Qur'an Panduan Hidup Seluruh Masyarakat	153
4.3 Pengertian Metod Al-Qur'an	156
4.3.1 Pengertian Manhaj Menurut Bahasa	158
4.3.2 Pengertian Manhaj Menurut Mufassirin	158

4.4	Metodologi al-Qur'an Dalam Menangani Permasalahan Penyakit Sosial Dan Krisis Moral	161
4.4.1	Metod Pendidikan (<i>Tarbiyah</i>)	161
4.4.2	Metod Penceritaan (<i>Kisah Qur'ani</i>)	171
4.4.2.1	Tujuan Kisah Qur'ani	174
4.4.3	Metod Pengajaran Dan Nasihat (<i>Mawizhah</i>)	183
4.4.4	Metod Ancaman Dan Janji (<i>Targhib-Tarhib</i>)	190
4.4.5	Metod Teladan Yang Baik (<i>Qudwah Hasanah</i>)	202
4.4.6	Metod Peringatan (<i>Tazkirah</i>)	206
4.4.7	Metod <i>Amar Ma'ruf Nahi Mungkar</i>	214
4.5	Kesimpulan	217

BAB V PENUTUP

5.1	Kesimpulan	219
5.2	Saranan	226
	Bibliografi	238

JADUAL TRANSLITERASI

Memandangkan kajian ini banyak menggunakan transliterasi dari bahasa Arab kepada ejaan Rumi, maka sistem transliterasi yang digunakan adalah bersesuaian dengan Panduan Menulis Tesis Gaya UM. Di bawah ini jadual transliterasi yang menjadi panduan dalam penulisan tesis ini.

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
أ	a	سَلَّ	sa'ala
ب	b	بَدْلٌ	badala
ت	t	تَمْرٌ	tamr
ث	th	ثُورَةٌ	thawrah
ج	j	جَمَالٌ	jamāl
ح	ḥ	حِدْيَثٌ	ḥadith
خ	kh	خَالِدٌ	khālid
د	d	دِيْوَانٌ	dīwān
ذ	dh	مَذْهَبٌ	madhab
ر	r	رَحْمَانٌ، رَحْمَنٌ	rahmān
ز	z	زَمْزَامٌ	zamzam
س	s	سَرَابٌ	sarāb
ش	sy	شَمْسٌ	syams
ص	ṣ	صَبْرٌ	ṣabr
ض	ḍ	ضَمِيرٌ	ḍamīr
ط	ṭ	طَاهِرٌ	ṭahir
ظ	z	ظَاهِرٌ	zuhr
ع	'	عَبْدٌ	'abd
غ	gh	غَيْبٌ	ghayb
ف	f	فَقِهٌ	fiqh
ق	q	قَاضِيٌّ	qādī

ك	k	كأس	ka's
ل	l	لين	laban
م	m	مزمار	mizmär
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habaṭa
وـ	w	وصل	waṣala
يـ	y	يسار	yasār

Vokal Pendek:

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Transliterasi</u>
ا	a	فعل	fa ala
ي	i	حسب	hasiba
ك	u	كتب	kutiba

Vokal Panjang:

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Transliterasi</u>
يٰ	ā	كتاب، قصصٍ	Kātib, Qaḍā
ي	ī	كريم	Karīm
و	ū	حروف	Hurūf

Diftong:

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Transliterasi</u>
و	aw	قول	qawl
ي	ay	سيف	sayf
سـيـف ، يـ	iyy	رجعـيـ	Raj iyy atau raj ī (di akhir)

‘	عو	‘aduww (di akhir) atau ‘adū (di akhir)
---	----	--

Perkecualian:

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada (a), bukannya (‘). Contoh أَكْبَرُ ditransliterasi menjadi *akbar* bukan *‘akbar*.
2. Huruf Arab تَ (ta' marbutah) pada perkataan tanpa ل (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada t. Contoh وِزَارَةُ الْمَالِيَّةِ ditransliterasi *wizārat al-maliyah*. Akan tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ل (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta' marbutah ditransliterasikan kepada h. Contoh السَّكَنَةُ الْأَهْلِيَّةُ ditransliterasikan kepada *al-maktabah al-ahliyah*, رَحْمَةٌ ditransliterasikan kepada *rahmah* dan دَارُ وَهَبَةٍ ditransliterasikan kepada *dār wahbah*.

PENDAHULUAN

Pengenalan

Abad yang kita lalui sekarang ini adalah apa yang disebut sebagai abad moden, abad luar angkasa dan abad teknologi. Abad moden ini ditandai dengan pelbagai kemajuan di semua bidang. Teknologi pasca moden masa kini sesungguhnya telah berjaya menjadikan planet bumi ini bagaikan berkerut menjadi begitu kecil. Sehingga segala perkara yang terjadi di belahan yang jauh di kutub utara misalnya, boleh dimaklumi oleh penghuni kutub selatan dalam masa yang singkat, malahan dalam sesetengah keadaan jika mereka mahu, boleh dimaklumi dalam masa yang sama.

Akan tetapi segala kecanggihan dan kemajuan ini telah banyak membuat manusia terlupa akan tujuan hidupnya. Arus modernisasi telah membuat mereka terhanyut dalam pergolakan zaman. Kehidupan mereka tiada kendali, sehingga ramai di antara masyarakat di abad moden ini terjebak dalam kehidupan bebas dan tanpa pegangan yang kukuh, sehingga keruntuhan akhlak, krisis moral dan pelbagai penyakit sosial mula mewabak. Umat saat ini resah dengan pelbagai gejala sosial yang berlaku di persekitaran mereka.

Islam sebagai satu sistem sosial datang untuk seluruh umat manusia, bukan untuk satu bangsa tanpa bangsa yang lain, dan bukan juga untuk satu golongan tanpa golongan yang lain. Islam datang sebagai risalah yang universal

untuk seluruh umat manusia bagi menegakkan keadilan dan ketenteraman di tengah-tengah mereka.

Sebagai sebuah agama yang universal, yang mengandungi ajara-ajaran dasar yang berlaku dan sesuai untuk semua tempat dan untuk segala zaman, ajaran-ajaran dasar yang bersifat menyeluruh, absolut, mutlak benar, kekal dan tidak berubah dan tidak boleh diubah terkumpul dalam al-Qur'an yang menjadi pegangan umat Islam. Hal ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an Surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ^(٩)

Ertinya: Sesungguhnya telah Kami turunkan peringatan (Qur'an) dan sesungguhnya Kami memeliharanya.

Terjemahan surah al-Hijr(15):9

Kandungan al-Qur'an menyentuh semua aspek kehidupan manusia sama ada dunia dan akhirat, aspek ibadah dan muamalah. Semua persoalan yang menyentuh kehidupan manusia diatur dan segala penyakitnya diubati oleh al-Qur'an. Matlamat al-Qur'an ialah untuk menjadikan penduduk dunia yang unggul akhlaknya, mempunyai perasaan murni, pergaulan dan tingkahlakunya adalah bersih. Al-Qur'an telah membawa sistem yang sempurna yang mengandungi prinsip serta metodologi yang menjadi pertanggungan dunia ini. Al-Qur'an juga membawa asas-asas serta dasar-dasar yang menjamin kehidupan manusia serta melindunginya.

Latarbelakang Kajian

Akhir-akhir ini dalam kehidupan masyarakat moden, kita sering dikejutkan dengan pelbagai gejala sosial yang sudah menjadi penyakit dalam masyarakat serta keruntuhan akhlak yang merupakan krisis moral manusia. Media massa tidak putus-putus memaparkan perilaku buruk anggota masyarakat yang cukup menggerunkan, yang kesemuanya itu boleh dikategorikan sebagai berada dibawah label keruntuhan dan kemerosotan akhlak serta krisis moral yang amat parah.

Dalam menghadapi berbagai-bagai penyakit sosial, krisis moral dan akhlak kebelakangan ini, ramai orang semakin sedar bahawa kehidupan moden dengan segala kemajuan yang menandainya tidak dapat melahirkan rasa aman dan tenteram, atau paling tidak, ramai yang merasa bahawa ada sesuatu yang hilang dari dalam diri mereka, kerana itu ramai diantara mereka yang berusaha untuk menemukan kembali apa yang terasa hilang itu.

Dalam usaha untuk mencari punca kepada segala penyakit sosial dan krisis moral yang tengah bermaharajalela ini, banyak muncul rumusan-rumusan serta kaedah-kaedah untuk menanganinya, tetapi ternyata semuanya belum dapat membendung dan menangani masalah ini.

Sebagai seorang muslim mereka lupa bahawa apa yang sepatutnya mereka lakukan adalah kembali kepada al-Qur'an. Al-Qur'an merupakan sumber rujukan utama yang menempati posisi sentral bagi seluruh permasalahan dan ubat penawar bagi pelbagai jenis penyakit masyarakat, termasuklah penyakit sosial dan krisis moral ini.

Al-Qur'an mempunyai metodnya yang tersendiri dalam menangani masalah ini, yang akan dibahaskan dan menjadi tumpuan kajian ini. Al-Qur'an merupakan *Huda* (petunjuk), juga *bayyinat min al huda* (penjelasan bagi petunjuk-petunjuk itu) serta menjadi *Furqan* (tolak ukur pemisah antara yang benar dan salah).

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk membuktikan bahawa metod yang digunakan al-Qur'an untuk menangani gejolak krisis moral dan penyakit sosial adalah berkesan dan praktikal, jika dilaksanakan sesuai dengan *manhaj Qur'ani* ini.

Di tengah zaman serba moden ini, dengan kemajuan yang semakin pesat di pelbagai bidang, makin ramai pula orang melupakan dan meninggalkan pegangan dan pedoman hidup iaitu al-Qur'an. Sehingga tidak hairanlah apabila penyakit sosial mula mewabak. Pergaulan bebas menjadi trend, arak dan judi pula menjadi kebanggaan. Manusia moden semakin jauh dari ketentuan agama.

Kajian ini akan cuba mengkaji dan menganalisis penyakit-penyakit sosial serta krisis moral yang melanda masyarakat hari ini, dan meneliti puncanya. Kemudian menganalisis ayat-ayat al-Qur'an dan metodologinya dalam menangani masalah ini. Kajian ini juga mengkaji prinsip-prinsip metodologi al-Qur'an, keistimewaannya serta keberkesanannya. Tidak ketinggalan juga dalam kajian ini akan dibentangkan metodologi al-Qur'an dalam menghadapi fenomena semasa yang tengah melanda masyarakat moden dan cuba memberikan solusi terhadap masalah tersebut selari dengan *manhaj Qur'ani*.

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini adalah :

1. Meneliti fenomena semasa yang tengah berlaku di tengah-tengah masyarakat moden hari ini. Gejolak krisis moral dan penyakit sosial adalah perkara yang menjadi tumpuan kajian ini.
2. Menganalisis perkara-perkara yang termasuk dalam kategori penyakit sosial dan krisis moral dan mengkaji punca penyakit tersebut.
3. Mengkaji prinsip-prinsip metodologi al-Qur'an, keistimewaananya serta keberkesanannya dalam membendung dan menangani krisis moral dan penyakit sosial.
4. Menganalisis ayat-ayat al-Qur'an serta metod yang terkandung di dalamnya dalam menangani penyakit sosial dan krisis moral.
5. Mengemukakan cadangan-cadangan yang bermas bagi membendung serta menangani krisis moral dan penyakit sosial pada hari ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian perpustakaan yang menggabungkan metod penganalisaan dan penafsiran. Penganalisaan dilakukan terhadap literature-literatur sama ada kitab-kitab tafsir, hadith dan kitab-kitab *turath* yang mengungkapkan keunggulan al-Qur'an sama ada dari segi metodologinya dan keistimewaan-keistimewaan

lainnya. Kajian ini juga memfokuskan analisis pada fenomena krisis moral dan penyakit sosial semasa.

Secara ringkas dan garis besarnya, teknik-teknik yang digunakan dalam kajian ini adalah:

- a. Mengumpulkan data-data primer berupa ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith yang berkaitan dengan kajian tersebut.
- b. Pengumpulan data-data sekunder, berupa fenomena krisis moral dan penyakit sosial semasa.
- c. Menganalisa serta mengelompokkan data dengan mencari kesesuaian metod yang digunakan al-Qur'an dalam menangani gejolak krisis moral dan penyakit sosial semasa dengan fenomena semasa.
- d. Merumuskan data tersebut dan menjadikannya sebagai sebuah kajian ilmiah.

Sistematika Kajian

Agar kajian ini lebih sistematis, ilmiah, dapat dipertanggungjawabkan dan mempunyai hubungkait antara satu dengan lainnya, maka kajian ini telah disusun dalam beberapa bab, dapat dilihat seperti berikut:

Bab Pertama:

Kajian ini dimulakan dengan mengungkapkan hakikat al-Qur'an dari segi pengertian, konsep, cara penurunan serta hikmahnya, fungsi serta beberapa pandangannya tentang kehidupan dan moral. Dengan tujuan untuk membuktikan keunggulan al-Qur'an dan juga membuktikan bahawa isi kandungannya

mencakupi semua aspek kehidupan manusia, menjadi pegangan dan pedoman yang mutlak serta menjadi penawar bagi segala jenis penyakit termasuklah penyakit sosial. Dan membimbing akhlak manusia kepada *akhlakul karimah*.

Bab Kedua:

Kajian ini diteruskan dengan mengungkapkan fenomena gejolak krisis moral dan penyakit sosial semasa yang tengah bermaharajalela pada saat ini. Pada bab ini akan dibahaskan beberapa jenis-jenis krisis moral dan penyakit sosial saat ini. Walaupun ianya tidak mencakupi kesemua jenis penyakit sosial dan krisis moral, akan tetapi cukup untuk mewakili dan menggambarkan keadaan yang semakin hari semakin memprihatinkan.

Bab Ketiga:

Pada bab ini akan dianalisis punca dan sebab-sebab berlakunya penyakit sosial dan krisis moral ini.

Bab Keempat:

Pada bab ini akan dibahaskan metod-metod yang digunakan al-Qur'an dalam menangani penyakit sosial dan krisis moral, serta membuktikan bahawa al-Qur'an mempunya metod yang tersendiri dalam menangani permasalahan ini dan ianya sangat praktikal serta berkesan apabila dipraktikkan sesuai dengan *manhaj Qur'ani* ini.

Bab Kelima:

Pada bab ini akan dihuraikan kesimpulan kajian ini serta beberapa saranan dan cadangan yang mendukung hasil kajian ini. Bab ini juga merupakan penutup daripada kajian ini.

Ulasan Penulisan (Review of literature)

Pada asasnya perbincangan mengenai metodologi al-Qur'an di dalam menangani penyakit sosial dan krisis moral belum pernah ditulis secara khusus oleh kitab-kitab turath. Kitab-kitab, buku-buku dan penulisan kontemporer belum ada yang membahaskan secara terperinci mengenai permasalahan ini, kalaupun ada itu terhad kepada penulisan makalah atau seminar.

Kitab-kitab turath yang menjadi rujukan utama dalam penulisan kajian ini yang berhubungkait dengan al-Qur'an sama ada dari segi konsep, pengertian dan fungsinya diantaranya adalah kitab *Mabāṣith fi 'Ulūm al-Qur'ān* karangan *Mannā' al-Qattan*, *Manāhil al-'Irfān fi al-'Ulūm al-Qur'ān* karya *al-Zarqānī* dan juga *al-Itqān fi al-'Ulūm al-Qur'ān* karangan *Syeih al-Islām Jalāluddīn 'Abdurrahmān al-Suyūtī*. Kitab-kitab ini mengupas al-Qur'an dari segala aspeknya sedangkan kitab kontemporer yang menjadi rujukan di antaranya kitab *Mafātih li al-Ta'āmul ma'al Qur'ān* karangan salah 'Abdul Fattāh al-Khālidī dan kitab al-Qur'an fi al-Islām karya al-Allāmah al-Tabattabā'i.

Untuk rujukan tentang fenomena semasa penyakit sosial dan krisis moral yang tengah berlaku penulisan kajian ini banyak merujuk kepada laporan-laporan

akbar, majalah, laporan pertubuhan-pertubuhan sosial serta ditambahkan pula dengan statistik dan perangkaan daripada jabatan Polis Diraja Malaysia. Selain daripada itu laman-laman web yang membahaskan tentang masalah ini juga dirujuk. Kitab hadith yang di dalam bab-babnya membicarakan tentang akhlak seperti kitab Sahih Muslim karya *Imam Abi al-Husain Muslim bin al-Hijāj*, kitab *Sunan al-Tirmidzi*, *Nail al-Auṭār* karangan *al-Syaukāni* dan kitab *Khulūk al-Muslim* karangan *al-Ghazālī*.

Untuk membahaskan metod-metod yang diguna pakai al-Qur'an dalam menangani krisis moral dan penyakit sosial kitab yang dijadikan rujukan adalah kitab *Ma'āni al-Qur'an wa I'rābuhu* karya *al-Zajjāj*, *Abi Ishak Ibrāhim al-Sarry* dan kitab *Fath al-Bayān fi Maqāsid al-Qur'an* karangan *Šādiq ibn Hasan ibn 'Aly al-Bukhāri al-Qunūjy*. Kedua-dua kitab ini dirujuk untuk mengetahui tentang makna dan kandungan isi ayat-ayat al-Qur'an yang dianalisis untuk mengambil kesimpulan metodologi yang dikandunginya. Buku *Manhāj al-Qur'an fi al-Tarbiyah* karangan *Muhammad Sadid* juga dirujuk. Buku ini memberi penjelasan al-Qur'an dalam masalah pendidikan yang sedikit sebanyaknya dapat memberi bantuan dan gambaran dalam penulisan kajian ini. Kerana penulis mendapati bahawa kebanyakannya penulisan dalam buku-buku dan kitab-kitab banyak tertumpu kepada metodologi al-Qur'an dalam pendidikan, belum ada penulisan yang secara khusus menyentuh metodologi al-Qur'an dalam menangani penyakit sosial dan krisis moral.

Demikianlah akhirnya kajian ini dapat diselesaikan dengan izin Allah SWT, dengan penuh tanggungjawab ilmiah. Namun demikian, sebagai manusia biasa tidak akan terlepas daripada kekurangan dan kelemahan, sama ada dari segi

metodologi atau rumusan hasil kajian yang telah dicapai. Walau bagaimanapun, semoga kajian ini akan memberi manfaat dan dapat menambahkan lagi pengetahuan bagi penulis dan pembacanya. Mudah-mudahan kajian ini termasuk dalam kategori *amal jariyah* di sisi Allah SWT, *Amiin Ya Rabb al-'Alamīn*.